

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1974

PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 10 TAHUN 1971¹

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 bertarikh 15hb Disember, 1971 adalah dipinda seperti berikut:

Sekatan Percubaan

Potong ayat-ayat di perenggan 15 (ii) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 dan gantikan dengan ayat-ayat seperti berikut—

15. (ii) (a) Seseorang pegawai Kerajaan/bukan Kerajaan dalam percubaan yang berpindah kepada gaji bersih boleh terus menerima kenaikan gaji dalam baki tempoh percubaannya. Di mana pemindahan atau kenaikan gaji itu menempatkan gaji pegawai itu di bawah atau di atas Sekatan Percubaan, maka Sekatan itu hendaklah dianggap seolah-olah telah diubah ke hadapan. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai itu telah disahkan dalam jawatannya setelah memenuhi semua syarat-syarat yang dikenakan menurut sekim perkhidmatannya.

(b) Sekiranya Sekatan Percubaan yang dianggap telah diubah ke hadapan itu melangkau Sekatan Kecekapan, ia boleh menerima kenaikan gaji dalam tempoh percubaannya seolah-olah Sekatan Percubaan itu diubah ke hadapan walaupun ia berpindah kepada matagaji yang terletak di atas Sekatan Kecekapan. Sekatan Kecekapan pula hendaklah dianggap turut berubah ke hadapan dan bertindih dengan Sekatan Percubaan yang dianggap telah diubah ke hadapan itu. Kenaikan gaji seterusnya adalah tertakluk kepada syarat bahawa pegawai itu telah disahkan dalam jawatannya dan juga memenuhi syarat-syarat melangkah Sekatan Kecekapan.

- (c) Tempoh percubaan yang dimaksudkan di perenggan-perenggan kecil 15 (ii) (a) dan (b) di atas tidaklah termasuk tempoh percubaan yang dilanjutkan dengan berdenda.

DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR 01-33,
20hb April, 1974.

CATATAN:

- ¹ Pekeliling Perkhidmatan Bij. 10 Tahun 1971 berkaitan dengan gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Pelajaran Malaysia Barat.